



SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
TINGKAT 19
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
40503 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

☎ : 03 5544 7042/7048/7520
📠 : 03 5510 3062
🌐 : www.selangor.gov.my
✉ : suk@selangor.gov.my

Rujukan Kami : IPK SEL 100-1/3/1 (S)
Tarikh : 3⁰¹ Muharram 1444H
Ogos 2022

Semua Ketua Jabatan/Agensi Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Datuk Bandar/Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Setiausaha Bahagian/Timbangan Pengarah/Ketua Penolong Setiausaha/Sekretariat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

YB. Dato'/ YAD Dato'Setia/ YBhg. Dato'/ YBhg. Datuk/ YBhg. Datin Paduka/ YBrs. Dr./Tuan/ Puan,

SURAT ARAHAN YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI BIL. 3 TAHUN 2022

HEBAHAN PEMAKAIAN PAKAIAN SERAGAM PUSPANITA BAGI AHLI PUSPANITA NEGERI SELANGOR

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YB. Dato'/ YAD Dato'Setia/ YBhg. Dato'/ YBhg. Datuk/ YBhg. Datin Paduka/ YBrs. Dr./Tuan/ Puan mengenai perkara di atas dan surat dari PUSPANITA Cawangan Negeri Selangor no bil. PNT.Sel.SEKRT.100-8/1/1 Jld, 1 (11) bertarikh 29 Julai 2022 adalah berkaitan.

2. Dalam usaha menyokong dan membudayakan pemakaian pakaian seragam PUSPANITA serta menonjolkan identiti PUSPANITA, semua ahli PUSPANITA Negeri Selangor adalah digalakkan memakai pakaian seragam PUSPANITA pada setiap hari **Khamis minggu kedua setiap bulan**. Hebahan ini berkuatkuasa bermula dari tarikh ianya dikeluarkan.

3. Kerjasama YBhg. Dato'/ YAD Dato'Setia/ YBhg. Dato'/ YBhg. Datuk/ YBhg. Datin Paduka/ YBrs. Dr./Tuan/ Puan adalah dimohon untuk memanjangkan hebahan ini kepada kakitangan di bawah seliaan masing-masing.

SURAT ARAHAN YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI BIL. 3 TAHUN 2022

HEBAHAN PEMAKAIAN PAKAIAN SERAGAM PUSPANITA BAGI AHLI PUSPANITA NEGERI SELANGOR

Segala perhatian dan tindakan YB. Dato'/ YAD. Dato' Setia/ YBhg. Dato'/ YBhg. Datuk/ YBhg. Datin Paduka/ Tuan/ Puan amatlah dihargai dan diucapkan terima kasih.


Sekian.

**"SELANGOR MAJU BERSAMA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' HJ HARIS BIN KASIM)
D.P.M.S., S.I.S., A.S.A., P.P.T.

s.k. : Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)



Persatuan Suri Dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam

Cawangan Negeri Selangor

Alamat : d/a Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Tingkat 19,

Bangunan SSAAS, 40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-55447000 Laman Web: puspanita.selangor.gov.my

Ruj. Kami: PNT.Sel. SEKRT.100-8/1/1

Jld. 1 (11)

Tarikh : 29 Julai 2022

Yang Berhormat Dato' Haji Haris Bin Kasim
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor,
Tingkat 19, Bangunan SSAAS,
40503 Shah Alam.

YB Dato',

CADANGAN PEMAKAIAN PAKAIAN SERAGAM PUSPANITA BAGI AHLI-AHLI PUSPANITA NEGERI SELANGOR

Dengan segala hormatnya saya memohon perhatian YB Dato' berhubung perkara di atas.

2. PUSPANITA Negeri Selangor melalui Mesyuarat Jawatankuasa Induk PUSPANITA Negeri Selangor Bil 2 (Sesi 2022 / 2024) telah bersetuju terhadap cadangan pemakaian pakaian seragam PUSPANITA dibudayakan pemakaiannya pada hari Khamis minggu ke dua setiap bulan. Cadangan ini merupakan salah satu usaha PUSPANITA Negeri Selangor dalam menyokong dan menampilkan identiti PUSPANITA dikalangan ahli-ahli PUSPANITA.

3. Oleh itu, PUSPANITA Negeri Selangor amat berbesar hati sekiranya YB Dato' dapat menyokong hasrat kami dalam merealisasikan cadangan tersebut. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Hebahan Bilangan 1 Tahun 2022 Pemakaian Pakaian Seragam PUSPANITA Bagi Ahli-Ahli PUSPANITA Negeri Selangor Pada Hari Khamis untuk makluman dan perhatian YB Dato'.

4. Bagi tujuan tersebut, PUSPANITA Negeri Selangor memohon pertimbangan YB Dato' bagi tujuan hebahan surat ini kepada semua Ketua Jabatan Negeri Selangor.


...2/-

Segala perhatian dan kerjasama YB Dato' berhubung perkara ini adalah amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih

"WANITA SEPAKAT NEGARA MENINGKAT"


Saya yang menjalankan amanah,



(DATIN HAJAH PADIAH BINTI SAFIAN)

Pengerusi

PUSPANITA Negeri Selangor



PUSPANITA NEGERI SELANGOR

SURAT HEBAHAN BILANGAN 1 TAHUN 2022

PEMAKAIAN PAKAIAN SERAGAM PUSPANITA BAGI AHLI PUSPANITA NEGERI SELANGOR PADA HARI KHAMIS

TUJUAN

1. Surat ini bertujuan menyampaikan keputusan PUSPANITA Negeri Selangor mengenai pemakaian pakaian seragam PUSPANITA bagi ahli PUSPANITA di Negeri Selangor pada hari Khamis minggu kedua setiap bulan.

LATAR BELAKANG

2. Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia dengan nama singkatannya PUSPANITA. PUSPANITA dilancarkan dengan rasminya pada 1 Mac 1983 oleh Penaung PUSPANITA yang pertama, Tun Dr. Siti Hasmah Binti Haji Mohd Ali. Di peringkat awal penubuhannya, PUSPANITA melalui pelbagai proses bagi melengkapkannya sebagai sebuah persatuan yang berdaftar dan

diterima oleh semua pihak terutamanya di peringkat pengurusan atasan dan ahli-ahli.

3. Salah satu usaha memperkenalkan PUSPANITA ialah pengenalan pakaian seragam PUSPANITA. Pemakaian pakaian seragam PUSPANITA merupakan suatu identiti yang menjadi kebanggaan PUSPANITA. Melalui pemakaian pakaian seragam tersebut, secara tidak langsung PUSPANITA dapat mempromosikan kelebihan berpersatuan dan menarik minat penjawat awam berdaftar sebagai ahli PUSPANITA.
4. Dalam usaha menyokong dan membudayakan pemakaian pakaian seragam tersebut, PUSPANITA Negeri Selangor telah mengorak langkah dan menyeru agar semua ahli PUSPANITA Negeri Selangor memakai pakaian seragam PUSPANITA yang telah dijenamakan oleh PUSPANITA.

DASAR BAHARU

5. Bagi tujuan tersebut, PUSPANITA Negeri Selangor telah merujuk surat daripada Jabatan Perkhidmatan Awam berkenaan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2008 Pemakaian Pakaian Batik Malaysia Oleh Penjawat Awam Pada Hari Khamis bertarikh 15 Januari 2008.

6. Disamping itu, PUSPANITA Negeri Selangor juga merujuk Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2021 Pemakaian Pakaian Batik Malaysia Bagi Penjawat Awam Persekutuan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Bertarikh 1 Disember 2021.
7. Oleh yang demikian, semua ahli PUSPANITA Negeri Selangor adalah digalakkan untuk memakai pakaian seragam PUSPANITA pada setiap hari Khamis minggu kedua setiap bulan.
8. Pada dasarnya, pemakaian pakaian seragam PUSPANITA adalah digalakkan bagi setiap ahli PUSPANITA yang menghadiri majlis rasmi PUSPANITA sama ada di peringkat negeri ataupun persekutuan.

PENGEQUALIAN

9. Hebahan pemakaian batik pada setiap hari Khamis minggu kedua ini tidak terpakai kepada pegawai yang dibekalkan dengan pakaian seragam, pegawai yang menghadiri acara-acara rasmi seperti persidangan-persidangan antarabangsa, perjumpaan dengan pelawat-pelawat asing atau pegawai yang menghadiri majlis rasmi yang menetapkan pemakaian jenis pakaian yang lain.

TARIKH KUAT KUASA


10. Surat ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

11. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, surat pemakaian pakaian seragam PUSPANITA ini dipanjangkan kepada semua ahli PUSPANITA Negeri Selangor.

Sekian, terima kasih.

"Wanita Sepakat Negara Meningkatkan"



(DATIN HAJAH PADIAH BINTI SAFIAN)

Pengerusi

PUSPANITA Cawangan Negeri Selangor

29 Julai 2022